

**PENERAPAN ELEMEN FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM  
DALAM PENGAJARAN PENDIDIKAN ISLAM  
DI SEKOLAH MENENGAH LEMBAH KLANG**

**OLEH**

**FATHIYAH BINTI MOHD FAKHRUDDIN**

**Tesis dikemukakan ke Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia,  
untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Doktor Falsafah**

**September, 2010**

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**PENERAPAN ELEMEN FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM  
DALAM PENGAJARAN PENDIDIKAN ISLAM  
DI SEKOLAH MENENGAH LEMBAH KLANG**

Oleh

**FATHIYAH BINTI MOHD FAKHRUDDIN**

**September, 2010**

**Pengerusi : Nor Hayati binti Hj. Alwi, PhD**

**Fakulti : Fakulti Pengajian Pendidikan**

Falsafah Pendidikan Kebangsaan digubal untuk membangunkan insan secara menyeluruh meliputi aspek jasmani, rohani, emosi dan intelek. Dalam konteks pengajaran Pendidikan Islam di sekolah, isu pembangunan diri secara menyeluruh lebih-lebih lagi ditekankan memandangkan terdapat peningkatan pelajar terjebak dalam tingkah laku berisiko. Berdasarkan hakikat ini, kajian berbentuk kualitatif bagi meneliti pengalaman guru menerapkan Falsafah Pendidikan Islam dalam pengajaran perlu dijalankan. Terdapat dua persoalan penting yang diteliti. Pertama, apakah elemen falsafah pendidikan Islam yang diterap dalam pengajaran? Kedua, bagaimana penerapan elemen tersebut dalam pengajaran? Data dikumpul menggunakan kaedah temu bual mendalam ke atas lapan orang guru Pendidikan Islam yang memenuhi ciri yang ditetapkan sebagai data utama. Triangulasi data disokong oleh pemerhatian dan analisis dokumen. Dapatan kajian menunjukkan terdapat enam elemen Falsafah

Pendidikan Islam yang diterap dalam pengajaran iaitu elemen keimanan, ilmu, amalan, penghayatan, akhlak dan ikhlas. Walau bagaimanapun, penerapan elemen-elemen tersebut tidak seimbang. Hanya tiga elemen : ilmu, amalan dan akhlak yang diberi tumpuan oleh guru-guru. Dalam proses perancangan, ia lebih tertumpu kepada perancangan bahan pengajaran. Proses penerapan elemen secara khusus pula tertumpu kepada aktiviti seperti memberi penjelasan, perbincangan, melibatkan pelajar dalam sesi amali, latih tubi dan menyediakan pelajar untuk menjawab soalan ujian dan peperiksaan. Dalam masa yang sama, proses menerapkan elemen-elemen tersebut dilihat kurang dimaksimakan dalam konteks kehidupan. Proses penilaian pula tertumpu kepada aktiviti memberi bimbingan akademik berdasarkan pencapaian akademik pelajar. Proses ini akan lebih berkesan sekiranya guru-guru mempunyai atribut seperti sabar, profesionalisme, menilai diri dan pengajaran serta memiliki pergantungan yang kuat dengan Allah s.w.t. Jalinan kerjasama dengan rakan kongsi seperti ibu bapa dan guru-guru lain yang mengajar pelajar juga berpotensi untuk turut menyokong proses penerapan tersebut. Kajian ini mengemukakan satu model penerapan elemen Falsafah Pendidikan Islam dalam pengajaran Pendidikan Islam yang akan menghasilkan pengajaran berkesan. Implikasi untuk pemilihan guru, latihan yang relevan dan sistem sokongan yang sesuai dikemukakan bagi meningkatkan kerjaya dan profesionalisme guru-guru Pendidikan Islam. Adalah dijangkakan latihan yang mengambilkira penerapan elemen Falsafah Pendidikan Islam mampu melahirkan pelajar yang seimbang daripada segi fizikal, spiritual, emosi dan intelek.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in partial fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**INCULCATION OF ISLAMIC EDUCATION PHILOSOPHY ELEMENTS  
IN TEACHING OF ISLAMIC EDUCATION  
IN KLANG VALLEY SECONDARY SCHOOLS**

By

**FATHIYAH BINTI MOHD FAKHRUDDIN**

**September, 2010**

**Chair : Nor Hayati binti Hj. Alwi, PhD**

**Faculty : Faculty of Educational Studies**

The National Philosophy of Education is aimed at developing individuals in a holistic way encompassing physical, spiritual, emotional and intellectual. The issue of holistic self-development is doubly emphasized since there has been an increase in students being involved with at-risk behavior. Based on this fact, a qualitative study to observe teachers' experiences in inculcating Islamic Education philosophy in teaching needs to be conducted. Two important research questions were examined. First, what is the Islamic Education philosophy being inculcated in teaching ? Second, how are those elements being inculcated in teaching ? Data was gathered from eight Islamic Education teachers who fulfilled the required criteria using the in-depth interview method as the main data. Data triangulation was supported by observation and document analysis. Findings of the study showed there are six Islamic Education philosophy elements being inculcated in teaching which include faith, knowledge, deed,

internalization, morality and sincerity. However, the inculcation of these elements is not balanced. Only three elements : knowledge, deed and morality are given focus by teachers. In the planning process, these elements are more focused on planning the teaching materials. The process of inculcating specific elements is focused on activities such as giving explanation, discussion, getting students involved in practical sessions, drills and preparing students to answer tests and examination questions. At the same time, the process of inculcating these elements is seen not highly maximized in real-life context. The evaluation process is focused on providing academic guidance activity based on students academic achievement. This process would be more effective if teachers possess attributes such as patience, professionalism, reflection on self and teaching as well as having strong dependence on Allah s.w.t. Collaboration with partners such as parents and other have the potential to also support the inculcation process. This study proposes a model of inculcation Islamic Educational philosophy elements in teaching Islamic Education which will result in effective teaching. Implications for teacher selection, relevant training and suitable support system are also proposed to increase Islamic Education teachers' career and professionalism. It is expected that effective training that considers inculcation of Islamic Education philosophy elements is capable in producing well-balanced students physically, spiritually, emotionally and intellectually.